

23 NOV 1996

PM BERLEPAS KE MANILA UNTUK SERTAI FORUM APEC (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas ke Manila untuk menyertai mesyuarat para pemimpin 18 negara anggota Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di ibu negara Filipina itu.

Perdana Menteri, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang pukul 8.10 pagi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman adalah antara orang kenamaan yang mengucapkan selamat jalan kepada mereka.

Selain Dr Mahathir, antara ketua kerajaan yang dijangka menyertai mesyuarat sehari di Teluk Subic, di utara Manila itu ialah Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton, Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden China Jiang Zemin, Perdana Menteri Kanada Jean Chretien dan Presiden Filipina Fidel Ramos, selaku tuan rumah.

APEC, yang ditubuhkan pada 1989, dianggotai Amerika Syarikat, Australia, Brunei, Chile, China, Filipina, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Kanada, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Singapura, Taiwan dan Thailand.

Semalam, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan menyuarakan kebimbangan negara kecil mengenai dasar perdagangan bebas Apec pada forum itu.

Katanya, dasar itu yang dijadual dilaksanakan oleh negara maju menjelang tahun 2010 dan negara lain pada 2020, telah menimbulkan kebimbangan besar di kalangan negara yang lebih kecil. -- Bernama

AH